

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah
[Lenggong]**

TARIKH : 8 Mac 2016

**SOALAN : Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
perancangan Kementerian dalam
meningkatkan hasil pengeluaran padi negara
dan tidak hanya tertumpu kepada beras
import daripada negara jiran.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan membangunkan kawasan jelapang padi secara maksimum melalui pewujudan empat (4) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) baru iaitu di Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lumar dengan jumlah keluasan kawasan penanaman seluas 25,905 hektar (ha) yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi negara. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi meningkatkan kualiti hasil tuaian sekali gus mengurangkan peratus pemotongan;
- (ii) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA EPP10 dan EPP11;
- (iii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iv) penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- (v) pengamalan teknologi pertanian tepat; dan
- (vi) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.

Penanaman tanaman *Specialty Rice* kini diusahakan di bawah EPP 9 di luar kawasan jelapang. Sehingga tahun 2015, kawasan yang terlibat ialah 1000 ha dan hasil pengeluaran setakat ini mencapai 2,500 mt.

Kerajaan sedang melihat kemungkinan untuk mempergiatkan pengeluaran padi jenis varieti *Specialty Rice* yang kini sedang diusahakan di bawah projek NKEA EPP 9. Projek ini dilihat telah menunjukkan perkembangan dan mempunyai potensi untuk diperluaskan tanamannya bagi tujuan eksport.

Sebagai usaha memulakan inisiatif ini, Kerajaan melalui MOA telah mengesan luas kawasan bagi empat (4) jelapang baru terlibat yang boleh dikhasikan untuk penanaman padi varieti *Specialty Rice* (MRQ 74 dan MRQ 76) dengan keluasan 2,910 ha.